



**NOTIS SEBUT HARGA  
PERBADANAN PUTRAJAYA**  
No. Sebut Harga : PPj/SH(S)/JK/55/2023

Tajuk Sebut Harga :

**CADANGAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN PERKAKASAN,  
PANGKALAN DATA DAN APLIKASI SISTEM KEDATANGAN BIOMETRIK  
PERBADANAN PUTRAJAYA (WEBTAS) BAGI TEMPOH 3 TAHUN DI  
PERBADANAN PUTRAJAYA**

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada **Kontraktor Bumiputera** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan (KKM/MOF)** beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor** sahaja dibawah **kod bidang 210101 (Hardware – All types of computer hardware including PC, notebook, printer, peripherals and maintenance)** dan **210103 (Software - All computer software, operating system, database including maintenance)** dan **210104 (Software/System Development/Customization and Maintenance including data entry, data processing)** untuk melaksanakan projek tersebut di atas.
2. Taklimat sebut harga akan diadakan pada **22 Ogos 2023, jam 10.00 pagi** di **Bilik Mesyuarat Tingkat 3 Blok A**. Kehadiran individu yang diberi kuasa oleh syarikat bagi urusan Perolehan Kerajaan sepertimana dalam **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan** adalah **DIWAJIBKAN**. Sila bawa bersama **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera Kementerian Kewangan dan Cap Syarikat**.
3. Dokumen Sebut Harga hanya boleh dibeli pada **22 Ogos 2023** hingga **25 Ogos 2023** oleh wakil Kontraktor/Syarikat yang sah serta menghadiri taklimat sahaja dengan bayaran secara tunai **RM10.00** di Kaunter Jualan Tender / Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya.
4. Kontraktor/Syarikat dikehendaki membawa **satu (1)** salinan **Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan** dan **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera Kementerian Kewangan**. Wakil Kontraktor/Syarikat adalah **diwajibkan** untuk membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani oleh individu yang diberi kuasa oleh syarikat bagi urusan Perolehan Kerajaan untuk membeli dokumen Sebut Harga.
5. Semua Borang Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada alamat seperti yang tertera di atas sebelum jam **12.00 tengah hari** pada **30 Ogos 2023 (Rabu)**.
6. Kontraktor/Syarikat yang hadir ke taklimat dan berurusan di kaunter perlulah mematuhi S.O.P yang telah ditetapkan. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan di talian **03-8887 7708** atau e-mel ke [spp@ppj.gov.my](mailto:spp@ppj.gov.my).
7. Kenyataan notis ini turut boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat <https://www.ppj.gov.my> dan portal MyPROCUREMENT <https://myprocurement.treasury.gov.my>.

**(SHAMSHUL JOEHARI BIN ZAINAL MOKHTAR)**

Naib Presiden  
Jabatan Perkhidmatan Korporat  
Perbadanan Putrajaya